

28 DEC 2000

Muhyiddin-Umno

PAS TIDAK PERLU MEMBUAT PELBAGAI ANDAIAN, KATA MUHYIDDIN

MUAR, 28 Dis (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata PAS tidak perlu membuat pelbagai andaian berhubung usaha untuk mengadakan perbincangan mengenai perpaduan orang Melayu.

"Jangan ada andaian awal... jika tidak ada andaian, yang baik akan tercapai," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediamannya di sini, hari ini.

Beliau berkata jika terdapat sebarang andaian akan ada pihak-pihak tertentu yang cuba mengeksploitasi keadaan untuk kepentingan mereka.

Muhyiddin juga menegaskan bahawa mesti ada asas agama dalam usaha menyatupadukan orang Melayu kerana Islam menuntut umatnya supaya bersatu.

"Nampaknya tidak ada salahnya kalau kita duduk berbincang secara hati terbuka dengan satu niat iaitu untuk menyatupadukan orang Melayu," kata beliau ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam akhbar hari ini.

Dalam laporan itu, Nik Abdul Aziz berkata sudah terlewat bagi Umno meminta diadakan perbincangan berhubung perpaduan orang Melayu kerana menurutnya, perpecahan tidak berlaku di kalangan orang Melayu cuma pendirian mereka telah berubah.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, tokoh-tokoh ulama Islam sendiri menyarankan agar umat Islam tidak kira di mana mereka berada supaya bersatu.

"Kalau kita lihat ada masalah, kita cari jalan untuk selesaikan masalah. Yang penting sekarang ialah bangsa dan agama," kata beliau.

Muhyiddin berkata dulupun Umno telah mengusahakan soal perpaduan orang Melayu dan hasilnya PAS bekerjasama dan menjadi sebahagian daripada Barisan Nasional (BN) tetapi meninggalkannya kemudian atas sebab-sebab tertentu.

"Tidak bermakna sekarang kita tidak payah berbuat apa-apa dan biarkan sahaja orang Melayu berbalah dan bercakaran dalam politik atas dasar agama sedangkan Islam menuntut umatnya bersatu."

"Kalau kita sudah melihat keadaan itu sekarang, apakah tidak perlu ada usaha dibuat. Yang menyuarakan perkara ini (soal perbincangan perpaduan Melayu) bukan orang politik tetapi tokoh akademik," kata Muhyiddin.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya mengulas saranan yang dibuat oleh seorang tokoh akademik dan banyak pihak pula menyokongnya.

"Jadi siapa hendak mulakan... Umnolah mulakan. Apakah niat itu tidak baik. Dalam Islam tidak baik mempunyai sangkaan buruk," katanya, sambil menambah, bahawa jika sesuatu pihak itu berpegang kepada ideologi politik sempit maka mungkin perjuangan itu akan menjadi sempit.

Muhyiddin berkata semua pihak kini perlu membuka minda kerana isu yang besar sekarang ialah bukan kepentingan sesuatu puak atau parti tetapi umat Islam dan negara.

"Jika ada niat baik ia mesti disambut dengan baik. Niat baik jika disambut dengan tidak baik, tidak baiklah maknanya," tambahnya.

-- BERNAMA

MKO PR